

# 'Awasi setiap pergerakan anak'

**Kuala Lumpur:** Ibu bapa khususnya yang mempunyai anak kecil diingatkan supaya tidak terlalu ghairah melakukan aksi bahaya walaupun bertujuan menghiburkan anak tanpa menyedari risiko kemalangan yang menanti.

Pakar sosial yang juga Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, soal ajal dan maut adalah perkara lain kerana setiap kemalangan yang berlaku berpunca daripada tindakan sebelumnya.

"Saya bukan hendak pertikaikan ketentuan ajal dan maut, tetapi lebih kepada bagaimana kita boleh memperbaiki sikap atau tindakan kita bagi mengelakkan kemalangan yang berpunca daripada kecuaiannya diri.

"Membiarkan kanak-kanak tanpa pengawasan orang dewasa sepenuhnya ketika berada di luar rumah sama risikonya seperti kita pejam mata selama lima saat ketika memandu," katanya ketika dihubungi Harian Metro di sini semalam.

Beliau mengulas beberapa kemalangan menimpa kanak-kanak yang berpunca daripada kecuaiannya ibu bapa sedangkan kecelakaan mungkin boleh dielakkan sekiranya ibu bapa lebih prihatin dan fokus mengawasi anak-anak.

Terbaru pada Ahad lalu, seorang kanak-kanak perempuan retak tempurung kepala dan mengalami pendarahan dalam kepala selepas terjatuh daripada eskalator di sebuah kompleks beli-belah di Bukit Jam-bul, Pulau Pinang.

Dalam kejadian jam 6.30 petang itu, Nur Aqilah Amni Zuraimihisham, 3, yang diletakkan di bahu bapanya, terjatuh dari tingkat satu di eskalator berkenaan pada ketinggian tiga meter.



**DR Mohammad Shatar**